

Pemikiran Mana Sikana dalam Drama *Thought in Mana Sikana's Drama*

Ahmad Zaidi Baharuddin¹ & Ani Omar²

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

¹zaidi3574@gmail.com, ²ani.omar@fbk.upsi.edu.my

Received: 11 Mac 2018; Accepted: 19 May 2018; Published: 21 December 2018

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk mengupas pemikiran Mana Sikana dalam teks-teks drama yang dihasilkannya terhadap sembilan buah drama karya beliau iaitu drama *Ihsan, Tanah di Hujung Bendang, Pengadilan, Hikmah, Mustaqima, Apa-apa, Di Hujung Taming Sari, Pasir-Pasir di Pasir Salak* dan *Air Mala Naning* berdasarkan tiga zaman iaitu Realisme (1960-1970), Absurd (1980-1990) dan Metasejarah (tahun 2000-2010) menjadi bahan analisis. Analisis dilakukan dengan menggunakan teori sastera teksdealisme. Empat prinsip yang menjadi landasan teori ini ialah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip keperibadian telah dijadikan kriteria mengukur keunggulan drama-drama Mana Sikana. Kajian mendapati drama-drama beliau mempunyai pelbagai tingkat pengalaman. Dalam meletakkan mutu drama ke tahap yang lebih unggul, beliau telah melakukan pelanggaran terhadap konvensi sastera termasuklah pelanggaran terhadap aliran, watak dan teknik. Hal ini selari dengan prinsip pelanggaran dan pengukuhan dalam teori teksdealisme. Beliau telah menemui jati diri pengarang dari kelima-lima aspek iaitu subjektiviti, stail, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu beliau yang selari dengan konsep keperibadian dalam teksdealisme. Kajian ini penting dilakukan untuk mengangkat martabat kesusasteraan tanah air demi melahirkan generasi yang unggul dan berwawasan khususnya genre drama.

Kata kunci: Pemikiran, Kepengarangan, Drama, Teksdealisme

Abstract

This research is carried out to prove that Mana Sikana's capacity as an author of the local drama genre. for that reason, nine of the author's compilation drama Ihsan, Tanah di Hujung Bendang, Pengadilan, Hikmah, Mustaqima, Apa-apa, Di Hujung Taming Sari, Pasir-Pasir di Pasir Salak dan Air Mala Naning berdasarkan tiga zaman iaitu Realisme (1960-1970), Absurd (1980-1990) dan Metasejarah (2000-2010). Naning be the analysis. Analysis is done by using the theory of Arts teksdealisme. Four principles that this theory is a cornerstone principle of presence, the principles, the principles of strengthening and breach of the principle of personality has been made criteria measure the supremacy of drama-drama Mana Sikana. The study found drama-drama he has various level of experience. In placing the quality drama to greater mind, he has committed a breach of conventions of literature including the breach flow, characters and techniques. This is in line with the principles of the collision and the strengthening of the teksdealisme theory. He had found the author's identity from all five aspects, namely subjektiviti, individual style, innovation, individual and individual kedirian his actions parallel to the concept of personality in teksdealisme. As such this study important is made to lift the dignity literature homeland in order to produce the next generation of leading visionaries in particular drama genre.

Keywords: Thought, Capacity as an author, drama, teksdealisme

Pengenalan

Makalah ini membincangkan beberapa aspek pemikiran Mana Sikana yang terkandung dalam drama-drama yang dihasilkannya. Beliau merupakan satu-satunya tokoh genre drama Malaysia yang perlu diangkat kerana sumbangan beliau dalam perkembangan dunia drama dan teater tanah air amat besar dan bermakna, malah turut dikenali sebagai tokoh cerpenis yang prolif, novelis, pengkritik, penteor, penulis drama radio dan drama televisyen. Drama seperti genre kesusasteraan yang lain mempunyai wadah dan pemikiran yang hendak disampaikan.

Mana Sikana ialah nama pena bagi Abdul Rahman Napiah. Nama Mana Sikana yang digunakan sejak tahun 1963 itu terus memperlihatkan betapa gigih, prolif dan cecalnya penulis ini menghasilkan karya demi karya yang mencakupi semua bidang penulisan kreatif dan nonkreatif. Mana Sikana merupakan pengarang yang telah lama berkecimpung dalam bidang drama iaitu lebih empat dekad, beliau pernah melalui pelbagai peringkat pengalaman. Ini memungkinkan beliau melakukan sesuatu yang unggul terhadap kebangkitan dan perkembangan drama-drama di Malaysia. Jati diri kepengarangan akan tercapai sekiranya pengarang berusaha dengan lebih konsisten dan berterusan. Falsafah teksdealisme dalam prinsip keperibadian menegaskan bahawa setiap pengarang haruslah berusaha untuk menciptakan sifat keperibadian masing-masing. Untuk mencapai jati diri kepengarangan, pengarang harus berusaha terus menerus dan ia boleh diukur menerusi prinsip keperibadian dalam teori sastera teksdealisme. (Mana Sikana 2013: 157).

Pernyataan Masalah

Mana Sikana bukanlah nama yang asing kepada pengkaji, penggiat dan peminat genre drama dan seni pentas teater tanah air. Berdasarkan penelitian pengkaji, kebanyakan dramanya dipentaskan lebih daripada sekali. Kini sudah sampai waktunya karya beliau dihurai dan diangkat untuk melihat falsafah yang cuba disampaikan melalui penghasilan penulisan kreatif khususnya drama beliau. Kajian awal yang dijalankan ini adalah wajar dalam mengaplikasikan teori teksdealisme bagi memperlihatkan keunggulan karya-karya sastera tempatan khususnya genre drama aspek proses kreatif hasil penulisan Mana Sikana. Terdapat beberapa langkah untuk mengunggulkan sastera, pengarangnya, teksnya, dan khalayaknya. Teksdealisme cuba menyediakan langkah-langkah yang perlu dilakukan. Teori ini menyediakan proses penjadidiran, keunggulan dan idealistik. Menurut Mana Sikana (2013: 93), beliau amat berharap agar teori Teksdealisme ini menjadi penawar atau majun kepada sastera Malaysia. Teori ini sebenarnya ialah satu landasan untuk para penulis berkarya. Memandangkan hal ini, usaha jitu bagi meninjau kesemua skrip drama Mana Sikana sebagai bahan kajian terutama terhadap perkembangan pemikiran beliau.

Suatu usaha perlu diangkat bagi memartabatkan teori sarjana tempatan, maka teori ini diyakini mampu menggarap prinsip-prinsipnya yang ada untuk mencapai maksud dan tujuan kajian. Ketidakpuasan terhadap teks yang sudah dihasilkan memerlukan usaha-usaha untuk menghasilkan teks selanjutnya menjadi lebih baik daripada teks-teks yang sudah dihasilkan. Beliau merupakan satu-satunya tokoh genre drama Malaysia yang perlu diangkat kerana sumbangan beliau dalam perkembangan dunia drama dan teater tanah air amat besar dan bermakna malah turut dikenali sebagai tokoh cerpenis, novelis, pengkritik, penteor dan pengkaji sastera Melayu. Kini Mana Sikana masih lagi aktif berkarya dan masih mampu menghasilkan penulisan drama yang berkualiti dan bermutu.

Beliau banyak mengupas persoalan-persoalan yang berlaku dipersekitarannya dan menterjemahkannya dalam bentuk penulisan yang boleh menyedarkan masyarakat tentang pergolakan yang sedang berlaku dalam tahun 1960-an-1970-an, 1980-an, 1990-an, tahun 2000 hingga kini. Drama Melayu mengalami perubahan dari segi corak persembahan, aliran dan pemikiran seiring dengan proses ketamadunan manusia.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mengetengahkan pemikiran Mana Sikana dalam penulisan sembilan buah drama yang dihasilkan oleh beliau sebagai bahan kajian. Pengkaji memilih aspek pemikiran dan kepengarangan sebagai pusat dan sebagai dasar perbincangan, bukan sahaja kerana aspek ini menjadi unsur terpenting dalam pembinaan sesebuah drama, tetapi juga penting dalam menyerlahkan tamadun dan

kecemerlangan sesuatu bangsa. Untuk melihat corak perkembangan dan perubahan yang dialami maka pengkaji membahagikan tahap kronologi drama Mana Sikana kepada tiga aliran iaitu realisme, absurd dan metasejarah.

Pengarang dalam mencari erti sastera dan identiti diri, menulis sesuatu yang sebelumnya tidak pernah disentuh oleh pengarang lain. Malah, keunikan kepengarangan terletak pada keluarbiasaan karya, tidak pernah difikirkan oleh khalayak pembaca. Dalam ikhtisar dan memenuhi fitrah kepengarangan ini, menjadikan pengarang manusia pemikir, berfikir bagaimana mahu melahirkan karya yang bercirikan istimewa. Hal ini sesungguhnya menyampaikan kita kepada pokok persoalan berdasarkan pemikiran yang dibawa oleh Mana Sikana dalam teks drama-drama beliau.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa objektif seperti berikut:

1. Membincangkan aspek kehadiran drama Mana Sikana.
2. Mengenalpasti aspek pelanggaran dan pengukuhan karya kreatif Mana Sikana.
3. Menganalisis keunggulan keperibadian Mana Sikana.

BATASAN KAJIAN

Batasan kajian merupakan skop ataupun fokus kajian yang harus dilakukan oleh pengkaji. Maka untuk memperlihatkan pemikiran dan kepengarangan Mana Sikana dalam drama, pengkaji menggunakan teori teksdealisme. Pengkaji membataskan kajian kepada tiga aspek. Aspek pertama ialah perbincangan terhadap pemikiran drama Mana Sikana. Dalam hal ini, pengkaji akan mencari dan menganalisis aspek-aspek pemikiran dalam Sembilan buah drama Mana Sikana iaitu drama "Ihsan", "Tanah di Hujung Bendang", "Pengadilan", "Hikmah", "Mustaqima", "Apa-apa", "Di Hujung Taming Sari", "Pasir-Pasir di Pasir Salak" dan "Air Mata Naning". Aspek kedua pula ialah mengenal pasti aspek pelanggaran dan pengukuhan yang ada dalam teks-teks kajian serta kaitannya dengan teori Teksdealisme. Manakala aspek ketiga pula ialah menganalisis kepengarangan drama Mana Sikana. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat adalah wajar menyerlahkan keunggulannya berdasarkan prinsip-prinsip teksdealisme. Tambahan pula, menerusi prinsip individualisme, jati diri pengarang hanya akan dikenal pasti setelah melihat penglibatan beliau dalam penulisan drama sehinggalah karya terakhir dihasilkannya.

Berdasarkan teori tersebut, empat prinsip dijadikan ukuran bagi mengetengahkan keunggulan beliau sebagai seorang pengarang. Prinsip-prinsip tersebut terdiri daripada prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip keperibadian. Pengkaji akan menggunakan keempat-empat prinsip tersebut terhadap sembilan buah drama beliau.

Rajah 1 Pembahagian skop mengikut aliran teks

Judul Drama	Aliran	Terbitan
1. " <i>Tanah di Hujung Bendang</i> "	Realisme	1970
2. " <i>Pengadilan</i> "	Realisme	1983
3. " <i>Ihsan</i> "	Realisme	1985
4. " <i>Apa-apa</i> "	Absurdisme	1974
5. " <i>Mustaqima</i> "	Absurdisme	1977
6. " <i>Hikmah</i> "	Absurdisme	1981
7. " <i>Di Hujung Taming Sari</i> "	Metasejarah	2010
8. " <i>Pasir-Pasir di Pasir Salak</i> "	Metasejarah	2011
9. " <i>Air Mata Naning</i> "	Metasejarah	2012

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan dua kaedah. iaitu kaedah kajian kepustakaan pemerolehan data dan kaedah analisis kandungan kajian kepustakaan melalui buku-buku, jurnal-jurnal, majalah-majalah, tesis-tesis sarjana dan doktor falsafah serta kertas-kertas kerja yang berkaitan. Pengkaji telah membuat kajian di perpustakaan sepenuhnya iaitu seperti di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Tun Razak dan perpustakaan negeri di Ipoh, Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Perpustakaan UfJ'versiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Jabatan Bahasa, Sastera dan Budaya di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Universiti Putra Malaysia, Serdang dan Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur dan bagi mendapatkan maklumat yang lebih konsisten. Usaha juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat melalui internet. Sementara kaedah yang kedua pula ialah kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan (*content analysis*) akan dilakukan melalui pembacaan teliti (*close reading*) pada skrip-skrip drama untuk mengenal pasti dan menelusuri unsur, ciri-ciri, sifat dan nilai keunggulannya. Analisa terhadap drama-drama Mana Sikana telah dikenalpasti berdasarkan aliran penerbitan teks dengan membahagikan tahap kronologi drama Mana Sikana kepada tiga aliran iaitu aliran realisme (1960-an), aliran absurd (1970-an) dan aliran metasejarah (2010 ke atas).

Pencarian maklumat juga dilakukan dengan melayari internet bagi melengkapkan lagi bahan kajian. Pengkaji melayari internet dengan memasuki beberapa blog yang berkaitan seperti blog e-Sastera. Selain itu perbincangan antara rakan-rakan serta pensyarah pembimbing turut membantu. Kesemua tempat ini menjadi tempat rujukan utama untuk mendapatkan bahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti jurnal, tesis, buku-buku Kesusasteraan Melayu dan bahan-bahan bercetak yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini. Bahan ilmiah ini telah membantu pengkaji dalam meneliti aspek-aspek yang berkaitan serta memberi kajian yang dijalankan. Bahan-bahan kajian ditumpukan kepada sembilan buah teks drama terpilih hasil karya Mana Sikana. Sehubungan itu, sembilan buah skrip drama karya Mana Sikana dipilih untuk disesuaikan dengan kajian teksdealisme sebagai skop kajian.

TINJAUAN LITERATUR

Pengkaji akan menganalisis tesis-tesis peringkat sarjana dan kedoktoran falsafah yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji, khususnya daripada penuntut-penuntut siswazah yang menjurus dalam bidang kesusasteraan Melayu. Rohizani Yaakub (1997) dalam kajian tesis sarjananya iaitu *Drama-drama Ismail Kassan: Satu Analisis Teksdealisme*. Menerusi prinsip kehadiran, kajian memperkatakan terhadap sumber kehadiran dalam ketiga-tiga buah drama tersebut yang dikaitkan dengan persekitaran pengarang. melalui prinsip perlanggaran dan pengukuhan pula, Ismail Kassan telah melakukan dari sudut teknik, gaya bahasa dan perwatakan. Pada tahun 1998, Rajiee b Abdul Hadi telah membuat satu kajian tesis sarjana berdasarkan teori teksdealisme yang bertajuk "*Kepengarangan T. Alias Taib: Satu Kajian Teksdealisme*. Menerusi prinsip kehadiran, kajian berkisar kepada pemikiran psikologi T. Alias Taib sebagai pengarang menerusi beberapa kutipan puisi yang dipilih dari lima buah kumpulan puisi tersebut. Prinsip perlanggaran dan pengukuhan berlaku dalam aspek pemikiran, gaya naratif dan gaya bahasa telah menentukan jati diri T. Alias Taib sebagai pengarang yang berjaya. Norlina Shahidan (1998) dalam kajian tesis sarjananya yang bertajuk "*Drama-drama A. Samad Said: Suatu Kajian Analisis Teori Tekdealisme*" mengkaji empat buah drama A. Samad Said. Dalam prinsip kehadiran, kajian ini mendapati kehadiran dalam keempat-empat buah drama sebagai paparan kisah hidup masyarakat kelas bawahan yang hidup melarat dan dikeji oleh masyarakat.

Shaharudin Said (2000) mengkaji kepengarangan Zakaria Arifin drama berasaskan teori teksdealisme. Lima buah drama yang dikaji ialah "*Pentas Opera*", "*Peremption Seorang Leftenan Inggeris*", "*Belum Selesai*" Raja Lawak" dan "*Jangan Bunuh Rama-rama* Zakaria Arifin telah mencapai darjah keunggulan dan jati diri sebagai seorang pengarang drama melalui teks-teks yang telah beliau hasilkan. Seroja Theavy Balakrisnan (2000) juga mengaplikasikan teori teksdealisme dalam kajiannya yang bertajuk "*Citra Watak Remaja dan Novel-novel Othman Puteh*" Begitu juga dengan Rozana Hashim menggunakan keempat-empat prinsip teksdealisme dalam kajian beliau yang bertajuk "*Novel-*

Novel A. Samad Said: *Interpretasi dan Teksdealisme* Selanjutnya, Fauzi (2000) mengaplikasikan empat prinsip teksdealisme iaitu keliadiran, perlanggaran, pengukuhan dan keperibadian ke atas skrip drama *Anu* (1970), *Aduh* (1973), *Dag Dig Dug* (1979), *Dor* (1979) dan *Gerr* (1981) karya Putu Wijaya.

Perbincangan terhadap teori ini telah bermula dengan pembentangan kertas kerja di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan pada tahun 1994 yang berjudul "Mencari Keunggulan Dinamika Teks: A *Theoretical Beginning*". Bagi Mana Sikana kertas kerja tersebut merupakan janin kepada teori teksdealisme (2009: 489). Usahanya membawa teksdealisme sebagai sebuah teori turut dilakukan di beberapa seminar untuk tujuan pengejapan dan penyempurnaan teori ini. Antaranya dalam kertas kerja yang bertajuk "Kriteria Menilai Drama yang Unggul" dan "Pengunggulan Sastera: Teks, Pengarang dan Khalayak" (Mana Sikana 2006: 7). Selanjutnya, pada tahun 1995 beliau telah menulis "Teori Sastera Teksdealisme" dalam *Jurnal Rumpun* terbitan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dan "Teori Bacaan Idealistik dalam *Jurnal Penulis* terbitan Persatuan Penulis Nasional (PENAN) (Mana Sikana 2009: 489). Lanjutan daripada penulisan tersebut sebuah buku *Teori Sastera Teksdealisme* diterbitkan pada tahun 1996.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan beberapa dapatan kajian yang telah dilakukan, pemikiran Mana Sikana telah menjadi titik tolak kepada pembentukan pemikiran penulis-penulis baharu. Dalam hal ini, isi kajian fokus kepada beberapa objektif. Di antaranya ialah dengan membincangkan pemikiran drama Mana Sikana, mengenalpasti aspek perlanggaran dan pengukuhan dalam teks-teks kajian dan akhir sekali dapat menganalisis kepengarangan drama Mana Sikana. Setelah lebih dari 45 tahun (1960-2016) mengabdikan diri dalam sastera, Mana Sikana telah menunjukkan prestasi yang istimewa dan luar biasa. Beliau bukan setakat menghasilkan pelbagai genre sastera yang berkualiti malah setanding dengan Sasterawan Negara yang lain. Situasi ini mencerminkan bahawa keunggulan beliau sebagai pengarang direalisasikan daripada keunggulan teks sebagaimana yang dihasratkan oleh falsafah teksdealisme.

Mana Sikana juga memiliki stail bahasa yang tersendiri dalam menyampaikan idea, peristiwa dan pemikiran dalam berkarya. Kajian yang dibuat menunjukkan unsur bahasa seperti pengulangan, penggunaan bahasa daerah dan bahasa kasar atau kesat yang menjadi trade mark kepada beliau dan terpapar dengan jelas dalam kesembilan-sembilan drama beliau. Memiliki rekacipta yang tersendiri menerusi metode menengahkan watak, teknik-teknik yang menjadi tradisi dalam penciptaan drama berdasarkan ketiga-tiga aliran yang dipegang beliau. Tindakan beliau dapat dikesan melalui prinsip, sikap dan penggalan ilmu dalam berkarya. Ketiga-tiga elemen ini mengarah dan menggerakkan penciptaan beliau. Prinsip bertanggungjawab yang diamalkan, mengarahkan penciptaan beliau kepada perjuangan untuk menyuarakan hak-hak kemanusiaan manusia-manusia yang memerlukan perhatian dan pembelaan. Sikap berani menyebabkan karya-karya beliau sarat dengan kritikan sosial dan sikap tekun serta berdisiplin pula menjadikan hasil-hasil karya beliau lebih bermutu.

Beliau mempunyai keyakinan atas kebolehan sendiri. Mana Sikana pernah menyatakan, "Menulis bukanlah suatu kerja yang boleh dilakukan secara sambil lewa. Lazimnya apa yang ditulis terbit daripada keyakinan" (*Jambak 3* 1995: 196). Oleh itu, kebolehannya menulis cerpen, novel, drama dan kritikan dapat dihasilkan atas keyakinan dirinya sendiri. Tambahan pula, pengetahuan beliau tentang teori-teori sastera banyak membantu beliau menghasilkan karya sama ada karya kreatif mahupun bukan kreatif. Sikap sebegini tentu sahaja menghantui setiap penulis yang cenderung untuk menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi serta mempunyai wawasan dalam memartabatkan sastera ke peringkat global.

Justeru itu dalam pandangan teori teksdealisme, setiap pengarang haruslah berusaha untuk menemui atau mencari peribadi masing-masing dalam berkarya. Dan untuk mencapainya tidak ada jalan selain daripada menghasilkan karya-karya yang unggul. Pengarang seharusnya membersihkan diri daripada hasrat menulis hanya sekadar untuk melangsungkan apa yang sudah dihasilkan. Sekiranya kita telah bersetuju bahawa Keris Mas, Usman Awang, Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Arena Wati, Muhammad Haji Salleh dan Noordin Hassan sudah mempunyai keperibadian di dalam berkarya, maka Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana) juga memiliki peribadi kepengarangan tersohor seperti mereka. Malah, mencipta karya yang setanding daripada karya mereka dan seangkatan dengannya.

Mengikuti Mana Sikana (2011) untuk berkarya pada zaman pascamoden ini, bukannya hanya melalui sebuah pintu sahaja dengan menunggu ilham datang, sebaliknya menggembling segala pembacaan, pemahaman dan pentakulan daripada teks-teks yang sudah ada, idea dan pengalaman kepengarangan yang sudah diterapkan, dapat dijemakan semula dalam bentuk baru yang penuh keaslian dan daya tarikan. Tanpa berguru dengan kaedah penulisan baru, pengarang pada zaman pascamoden ini akan ketinggalan zaman Drama merupakan salah satu genre sastera Melayu moden yang masih berkembang sehingga ke era ini. Kehadiran genre ini merancakkan lagi dunia penulisan kreatif tanah air. Saban tahun muncul penulis-penulis baru untuk mengaktifkan perkembangan drama Melayu seterusnya dapat mempertahankan karya Kesusasteraan Melayu.

KESIMPULAN

Kajian ini telah cuba membuktikan bahawa Mana Sikana sebagai seorang penulis drama juga mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Sama kuatnya dalam penulisan genre novel dan puisi, genre drama juga dikuasainya. Meskipun banyak skrip drama pentas yang dihasilkannya, namun dari sembilan buah drama yang telah dikaji sudah cukup untuk memperlihatkan kekuatannya, kerana setiap satunya itu dihasilkannya penuh kesedaran. Dalam perbicaraan ini juga meneliti drama beliau untuk memperlihatkan aspek penghadiran bahan dan sumber, menilai kekuatan dan pengukuhan, sambil menunjukkan jika terdapatnya pelanggaran dan akhimya sekali melihat kekuatannya sebagai penulis drama.

Secara keseluruhannya, keberhasilan teori teksdealisme mencungkil kepengarangan pengarang membuktikan bahawa teori tempatan juga berkeupayaan dan mempunyai kekuatan untuk mengkaji khazanah-khazanah dunia kesusasteraan Melayu amnya selanjutnya mampu memberi sumbangan dalam memperkayakan khazanah dunia sastera dan mengukuhkan martabat seseorang hasil daripada seseorang pengarang. Keunggulan ini menyerlahkan kepengarangan atau gaya individualisme pengarang dalam berkarya sehingga karya-karya beliau dapat dikenali khalayak. Untuk mencapai tahap yang ideal atau unggul pengarang dituntut mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian yang dimaksudkan ialah keupayaan pengarang mengetengahkan atau mengemukakan idea-idea penilaian baharu yang sekali gus memberi kesan kepada pembaca dalam menanggapi makna teks tersebut. Justeru hasil yang didapati pasti berupanya meletakkan teks pada tahap yang tinggi serta menjadi tumpuan khalayak dan juga para sasterawan sendiri.

RUJUKAN

- Abd. Rahman Hanafiah. (1984). *Ulasan Drama Tiga Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbitan Tatra.
- Abd. Rahman Napiah. (1991). *Tuah-Jebat dalam drama Melayu: Satu kajian intertekstual*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah. (1987). *Perkembangan dan perubahan dalam drama moden Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Abdul Rahman Napiah. (1985). *Kaedah kajian drama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah. (1987). *Drama moden Malaysia: Perkembangan dan perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Napiah. (1989). *Berkenalan dengan drama*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ahmad Zaidi Baharuddin. (2010). *Persoalan dan pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama 'patung-patung' dari perspektif teori persuratan baru*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ani Hj Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim, Perak
- Asmaniza Mohd Ramly. (1996). Noordin Hassan: Kritikan dengan teori teksdealisme. Tesis sarjana. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Eagleton, Terry. (1988). *An introduction to literary theory*. London: Oxford University Press.
- Fauzi. (2000). *Skrip-skrip drama Putu Wijaya interpretasi teksdealisme*. Tesis sarjana. Jabatan Persuratan Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hajijah Jais. (2004). Novel-novel Anwar Ridzwan: Penerapan teori teksdealisme. Tesis Ijazah Sarjana Universiti Malaya
- Hamzah Hamdani. (1988). *Konsep dan pendekatan sastera*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Herman J. Waluyo. (2002). *Drama: Teori dan pengajarannya*. Yogyakarta. PT. Hanindita Graha Widya Pratama.

- http://en.wikipedia.org/wiki/Theater_of_the_Absurd (18 Mac 2007).
<http://www.theatrehistory.com/french> (29 Januari 2007).
<http://www.sejarah> pasir salak
- Janiri Amir. (2003). Mencari teks unggul. *Dewan Sastera*. November: 77-80.
- Junaidah Saleh. (2001). *Kepengarangan Noordin Hassan: Suatu analisa teori sastera*. Tesis Sarjana. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kalam Hamidi. (2003). *Pegangan pementasan drama*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Krishen Jit. (1982). Teater moden Malaysia - Satu esei retrospektif. Dlm Dr. Rahmah Bujang (pnyt). *Drama Melayu 25 Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krishen Jit. (1986). *Membesar bersama teater* (terjemahan oleh Nor Azimah Shehidan). Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2011). *Estetika dramatik dan spektakuler teater*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2011). *Pasir-Pasir di Pasir Salak*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2013). *Dari Barat ke Timur: Teori dan kritikan sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di akar diri: Kritikan sastera pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mana Sikana. (2008). *Kepengarangan Masuri S.N.*, Seminar Masuri S.N. Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu. Universiti Teknologi Nanyang, Singapura
- Mana Sikana. (2002). Usman Awang: Shifting as Realist to Metahistoriographer, Malay Literature, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1981). *Apa-apa*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Mana Sikana. (1985). *Esei dan kritikan drama*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan kritikan sastera pascamodenisme*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (2013). *Sebuah eksperimental penciptaan drama metasejarah*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2014). *Hikmah, bunuh, apa-apa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, m.a. (1984). *Kajian lengkap drama Tiga Zaman*. Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2008). *Drama-Drama Melayu Moden 1949-1969*, penelitian sejarah kesusasteraan Melayu moden 1940-1969, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2008). *Intan karya Abdullah Husain: Satu huraian teori teksdealisme, Abdullah Husain dalam Esei dan Kritikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2004). *Juara: Perspektif Teori Sastera Teksdealisme*, Seminar Pemikiran Sasterawan Negara S. Othman Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2001). *Konsep dan semangat patriotisme dalam drama Melayu moden*, Globalisasi dan Patriotisme dalam Sastera Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1983). *Pemikiran dalam Drama Melayu 1950-1957*. *Jurnal Sari*. Insitut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (1988). *Pendekatan kritikan drama: drama dalam esei dan kritikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2006). *Tamu di Bukit Kenny karya Usman Awang daripada perspektif teori teksdealisme*, Seminar Pemikiran SN Usman Awang. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. The theory of textdealism. *Jurnal Malay Literature*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2005). *Teori sastera kontemporari*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2011). *Pasir-pasir di Pasir Salak*. Selangor: Penerbit Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (1982). *Tuah-Jebat bertolak dari titah tuanku*. *Dewan Sastera* Januari: 45-49.
- Mana Sikana. (1989). *Di sekitar pemikiran drama moden*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1994). *Sastera pasca-modernisme dan penjelmaannya dalam Sastera Melayu*.
- Mana Sikana. (1995). *Teori sastera teksdealisme*. *Rumpun*. Bangi: Penerbitan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (1995). *Drama Melayu Moden*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1995a). *Teori Ssstera teksdealisme*. *Rumpun*. Bangi: Penerbitan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (19980). *Teori dan pendekatan sastera moden*. Shah Alam Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu tradisional, moden dan pascamoden*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlina Shahidan. (1998). *Drama-drama A. Samad Said: Suatu kajian teksdealisme*. Tesis sarjana. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Nina Zuhra. (1992). *An analysis of modern Malay Drama*. Shah Alam; MARA Institute of Technology.
- Payne, Michae. (1993). *Reading theory: An introduction to Lacan, Derrida and Kristeva*, Oxford:
- Rahmah Bujang (1994). *Drama Melayu. Dari skrip ke pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Rahmah Bujang (Peny.) (1982). *Drama Melayu 25 Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rahman Shaari. (1988). *Kritikan sastera Melayu pendekatan dan pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari. (1983). *Kualiti drama dan filem Melayu*. Kuala Lumpur: Munora Publishing.
- Rajjee bin Abdul Hadi. (1998). *Kepengarangan T. Alias Taib: Satu kajian teksdealisme*. Tesis sarjana. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohizani Yaakub. (1997). *Drama-drama Ismail Kassan: Satu analisis teksdelisme*. Tesis sarjana. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sahlan Mohd Saman. (2005). *Persuratan Melayu: Tradisional ke moden*. Bangi: Penerbit UKM.
- Said Halim Said Nong. (1988). *Drama Melayu televisyen Malaysia satu penilaian dan perkembangan dan peranan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Shaharudin Said. (2000). *Kepengarangan Zakaria Arifin: Satu analisis teori teksdealisme*. Jabatan Persuratan Melayu, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aisah Murad. (2008). *Kehadiran pengalaman, perlanggaran, pengukuhan dan keperibadian dalam novel Shahnon Ahmad*. *Dewan Sastera* Februari: 28-35.
- Solehah Ishak. (1982). *Tahap drama kontemporari- Abstrak atau absurd*. Dlm Dr Rahmah Bujang (pnyt). *Drama Melayu 25 Tahun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Solehah Ishak. (1990). *Pengalaman menonton teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1986). *Sosiologi sastera: Persoalan teori dan metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.